



## PENILAIAN PROGRAM

# PROGRAM LIBAT URUS PEGAWAI KADER (SKIM SOSIAL) BERSAMA KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT




**16 JULAI 2019 (SELASA)**  
**AUDITORIUM ARAS 7, BANGUNAN KPWKM**




## PENDAHULUAN DAN OBJEKTIF


Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Bahagian Kawalan Standard (KS) telah dipertanggungjawabkan bagi menganjurkan Perjumpaan Pegawai Kader Bersama KPKM dan Pengurusan Tertinggi. Pegawai kader bermaksud:




Justeru, adalah penting untuk Jabatan memastikan setiap kader sentiasa berada ‘on track’ dengan Jabatan agar setiap kader peka dan tidak leka dengan isu-isu, cabaran dan perkembangan Jabatan pada setiap masa. Objektif program ini adalah seperti berikut:




## PESERTA



Seramai 110 orang pegawai kader JKM skim sosial (S) pelbagai gred di seluruh Malaysia telah diundang. Jumlah yang hadir adalah seramai 79 (72%). Urus setia telah berjaya mengumpul 64 borang penilaian maklum balas peserta.




## METODOLOGI PENILAIAN




## KEPUTUSAN PENILAIAN

Analisis maklum balas peserta adalah seperti berikut:




Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, hanya terdapat dua kementerian/jabatan/agensi yang tidak dapat menghantar wakil atau tidak dapat hadir iaitu JAKIM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN). Urus setia dimaklumkan bahawa perkara ini disebabkan oleh pertindihan dengan tugas pegawai kader di penempatan masing-masing. Analisis telah dijalankan menggunakan 64 (81%) borang penilaian maklum balas yang telah diterima.



Berdasarkan Rajah 2, majoriti 52 (81%) pegawai kader yang hadir ke program ini adalah terdiri daripada kumpulan Pelaksana I dan II (Gred S19 – S32) dan hanya 12 (19%) orang merupakan pegawai kader daripada kumpulan Pengurusan dan Professional (P&P).


Rajah 2



Rajah 3

Rajah 4


Berdasarkan Rajah 3 dan Rajah 4, didapati 51 (80%) pegawai kader yang telah memberikan maklum balas telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam atau Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya di antara tempoh 1-15 tahun. Bilangan paling ramai iaitu 24 (38%) orang pegawai kader yang telah dikaderkan di kementerian/jabatan/agensi luar JKM adalah dalam tempoh 1-3 tahun. Terdapat juga 13 orang pegawai kader yang telah ditempatkan melebihi 6 tahun di luar JKM (20%).



Rajah 5

Rajah 6


### Objektif 3: Berkumpul, bertukar pendapat dan pandangan



Berdasarkan Rajah 5, 6 dan 7 semua peserta didapati bersetuju bahawa 3 objektif utama program telah tercapai dengan penarafan 4 dan 5 bintang. Secara purata hanya 15 (24%) orang pegawai kader memberi maklum balas bahawa 3 objektif ini mencapai 1 hingga 3 bintang.


Rajah 7

### Penarafan Slot Program




Rajah 8

Program libat urus ini turut diisi dengan slot taklimat info Jabatan “ Selayang Pandang JKM Kini” yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Strategik, Puan Rosmahwati binti Ishak dan satu slot aktiviti “Sirih Pulang ke Gagang: Pengalaman dan Pelajaran” yang dikendalikan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, JKM. Pegawai kader yang hadir telah memberi maklum balas dan berpuas hati dengan slot yang dilaksanakan dan majoriti memberi penarafan 4 bintang (42% - 44%) bagi kedua-dua slot (Rajah 8).

**Rajah 9**

Berdasarkan Rajah 9, pegawai kader yang hadir berpuas hati dan memberi penarafan 5 bintang untuk makan minum 31 (48%), kemudahan fasiliti 33 (52%) dan bagi alat bantu/sistem teknikal 27 (42%). Terdapat 11 (17%) orang pegawai kader yang turut memberi maklum balas 1 hingga 3 bintang bagi alat bantu kerana terdapat sedikit gangguan paparan dilayar ketika program dilaksanakan.


**Rajah 10**

Merujuk kepada Rajah 10, penilaian keseluruhan menunjukkan 56 (87.5%) orang pegawai kader amat berpuas hati dengan memberi penarafan 4 bintang (48.4%) dan 5 bintang (39.1%). Program ini didapati telah berjaya menyediakan ruang untuk pegawai kader berinteraksi secara dua hala dengan KPKM dan pengurusan tertinggi JKM.



## CADANGAN PESERTA

Hasil rumusan berdasarkan tiga (3) soalan terbuka dalam borang penilaian program iaitu cadangan penambahbaikan bagi halatuju perkhidmatan pegawai kader, perasaan bekerja sebagai pegawai kader dan cadangan adalah seperti berikut:



Rajah 11

Melalui aktiviti interaksi dalam kumpulan yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, pegawai kader turut menyuarakan beberapa hasrat dan isu. Antaranya seperti Rajah 12 di bawah:



Rajah 12



## PENUTUP

Program ini telah mendapat maklum balas yang baik berdasarkan kehadiran peserta serta pencapaian ketiga-tiga objektif utama program. Urus setia telah mengundang seramai 110 (50%) orang daripada jumlah pegawai kader yang sebenar (223 orang) dan kehadiran pada hari program adalah seramai 79 orang. Peratus kehadiran ini dapat ditambahbaik sekiranya strategi dan kemudah capaian maklumat kepada pegawai kader di seluruh Malaysia dapat dipertingkatkan. Program ini berjaya sebagai platform/medium untuk mewujudkan rangkaian sosial antara pegawai kader dan pengurusan JKM. Pegawai kader dan pihak pengurusan JKM yang hadir dapat berkumpul dan bertukar pandangan serta menjawab isu permasalahan yang timbul. Komunikasi dua hala secara aktif berjaya diwujudkan melalui penglibatan pegawai kader di dalam setiap sesi yang diadakan.

Melalui slot “Selayang Pandang JKM Kini” pegawai kader telah diberikan penerangan mengenai dasar-dasar dan aktiviti-aktiviti terkini JKM. Ini memberi kesan dan nilai tambah dari segi ilmu perkhidmatan Jabatan kepada pegawai kader. Slot “Sirih Pulang ke Gagang: Pengalaman dan Pelajaran” pula didapati berjaya membina repo di antara pegawai kader dan menjadi aktiviti suai kenal kepada mereka.

Beberapa cadangan dan isu yang telah dikongsikan oleh pegawai kader melalui aktiviti dan borang maklum balas yang diedarkan adalah berkaitan dengan kebijakan pegawai kader, elaun, latihan dan kursus terutama yang menjurus ke arah praktis kerja sosial, skop dan bidang tugas pegawai kader serta penempatan, pertukaran dan kenaikan pangkat pegawai kader.

Keseluruhannya, pelaksanaan program ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pegawai kader. Ia membantu Jabatan mengenalpasti isu dan mendengar permasalahan yang dihadapi oleh pegawai kader khususnya berkaitan Bahagian Pengurusan seperti dasar penempatan dan kebijakan pegawai. Akhir sekali, perkongsian pendapat secara dua hala, pengisian ilmu dan maklumat mengenai penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan perkongsian nilai bersama diharap dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan organisasi.

Disediakan oleh,  
**Bahagian Kawalan Standard**  
 Tarikh: 29 Ogos 2019





**PROGRAM LIBAT URUS PEGAWAI KADER (SKIM SOSIAL) BERSAMA KPKM DAN PENGURUSAN  
TERTINGGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT PADA 16 JULAI 2019 DI AUDITORIUM ARAS 7, KWPKM**



**ATUR CARA**  
**PROGRAM LIBAT URUS PEGAWAI KADER BERSAMA KPKM DAN**  
**PENGURUSAN TERTINGGI JKM**

Tarikh: 16 Julai 2019 (Selasa)  
Tempat : Auditorium Aras 7, KPWKM

Masa	Atur cara
8.00 pagi - 8.30 pagi	Pendaftaran peserta dan sarapan
8.30 pagi - 10.30 pagi	<b>Perhimpunan Bulanan JKM Bil.6/2019</b> di Dewan Nur, Bangunan KPWKM
10.30 pagi - 10.45 pagi	Minum pagi
10.45 pagi – 12.15 tengahari	<b>“Selayang Pandang JKM Kini”</b> oleh TKP(S) YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak
12.15 pagi – 2.00 petang	Makan Tengahari dan Rehat
2.00 petang – 3.30 petang	<b>“Sirih Pulang Ke Gagang: Pengalaman dan Pelajaran”</b>
3.30 petang - 4.30 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketibaan KPKM</li> <li>• Bacaan Doa</li> <li>• Nyanyian lagu Negaraku, Malaysia Bersih dan Bersatu Untuk Kebajikan</li> </ul> <p><b>Bual Bicara Pegawai Kader Bersama KPKM dan Pengurusan Tertinggi JKM</b></p> <p><b>“Penempatan dan Peranan Pegawai Kader JKM”</b></p>
4.30 petang	Sesi bergambar dan minum petang
5.00 petang	Bersurai

Nota: Perhimpunan Bulanan JKM Bil. 6/2019 di Dewan Nur, Aras B1, KPWKM.

Slot-slot lain akan dilaksanakan di Auditorium Aras 7, KPWKM

**BORANG PENILAIAN**  
**PROGRAM LIBAT URUS PEGAWAI KADER (SKIM SOSIAL)**  
**BERSAMA KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI JKM TAHUN 2019**  
BERTEMPAT DI AUDITORIUM ARAS 7, BANGUNAN KPWKM  
PADA 16 JULAI 2019 (SELASA)

1. PKMD/B/J/Institusi @ Negeri (tempat bertugas): \_\_\_\_\_

2. Gred jawatan (**Sila bulatkan**)      S19    S22    S29    S32    S41    S44    S48    S52    S54

3. Jumlah tahun dalam perkhidmatan kerajaan (**Sila tandakan ✓**)

1 - 5 tahun	6 - 10 tahun	11 - 15 tahun	16 - 20 tahun	>20 tahun	
-------------	--------------	---------------	---------------	-----------	--

4. Jantina (**Sila tandakan ✓**):      Lelaki      Perempuan

5. Penilaian program (**Sila tandakan ✓**)

Bil	Perkara	1 - ★	2 - ★	3 - ★	4 - ★	5 - ★
i.	Adakah objektif program tercapai? a) Platform kepada pegawai kader daripada pelbagai kementerian/agensi bertemu dan mewujudkan rangkaian sosial sepanjang bertugas di JKM; b) platform komunikasi dua hala berkaitan perkhidmatan Jabatan dan tadbir urus serta dalam menghayati aspirasi dan hasrat pucuk pimpinan tertinggi Jabatan dalam usaha memartabatkan perkhidmatan sosial yang professional dan dihormati; dan c) peluang pegawai dan kakitangan berkumpul bertukar pendapat dan pandangan.					
ii.	Slot “ Selayang Pandang JKM Kini”					
iii.	Slot “ Sirih Pulang ke Gagang: Pengalaman dan Pelajaran”					
iv.	Kemudahan fasiliti yang disediakan.					
v.	Makan minum sepanjang program dilaksanakan.					
vi.	Alat bantu (projektor, slaid, sistem bunyi).					
vii.	Penilaian keseluruhan program.					
viii.	Cadangan penambahbaikan bagi halatuju perkhidmatan pegawai kader:					

**Sila serahkan borang penilaian kepada pihak urus setia selepas program.**

**Terima kasih atas kerjasama anda.**

**-Urus setia Bahagian Kawalan Standard**

**BORANG PENILAIAN**  
**PROGRAM LIBAT URUS PEGAWAI KADER (SKIM SOSIAL)**  
**BERSAMA KPKM DAN PENGURUSAN TERTINGGI JKM TAHUN 2019**  
BERTEMPAT DI AUDITORIUM ARAS 7, BANGUNAN KPWKM  
PADA 16 JULAI 2019 (SELASA)

1.	Setakat ini saya berasa gembira bekerja sebagai PKMD/B/J/Ketua Institusi ( <b>Sila bulatkan: YA / TIDAK</b> ) kerana:
2.	Pada pendapat saya:

**Sila serahkan borang penilaian kepada pihak urus setia selepas program.**

**Terima kasih atas kerjasama anda.**

**-Urus setia Bahagian Kawalan Standard-**

PROGRAM LIBAT URUS PEGAWAI KADER (SKIM SOSIAL)

BIL	AGENSI BERTUGAS	GRED JAWATAN		TAHUN BERKHIDMA					PENEMPATAN		JANT	OBJEKTIF 1		OBJEKTIF 2		OBJEKTIF 3		SLOT JKM KINI		SLOT PK		FASILITI		MAKAN MINU		ALAT BANTU		KESELURUHAN																											
		S19	S22	S29	S32	S41	S44	S48	S52	<5	<10	<15	<20	>20	<1	1-3	4-6	>6	L	P	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5					
1	KPWKM									1					1				1						1					1					1					1					1					1					1
2	JPW									1					1				1						1					1					1					1					1					1					
3	KKM (HOSPITAL)		1							1					1				1						1					1					1					1					1					1					
4	PENJARA		1							1					1				1						1					1					1					1					1					1					
5	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
6	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
7	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
8	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
9	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
10	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
11	JPW		1							1					1				1						1					1					1					1					1					1					
12	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
13	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
14	PENJARA		1							1					1				1						1					1					1					1					1					1					
15	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
16	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
17	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
18	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
19	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
20	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
21	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
22	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
23	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
24	PENJARA		1							1					1				1						1					1					1					1					1					1					
25	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
26	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
27	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
28	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
29	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
30	JPW		1							1					1				1						1					1					1					1					1					1					
31	JPW	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
32	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
33	KPM(PKURNIA)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
34	JPW	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
35	JHEW (ATM)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
36	JPW	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
37	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
38	KKM (HOSPITAL)	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
39	JPW	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
40	PENJARA	1								1					1				1						1					1					1					1					1					1					
41	PENJARA	1								1					1		</																																						

**PROGRAM LIBAT URUS KADER (SKIM SOSIAL) BERSAMA KPJM DAN PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2019**

TARIKH : 16 JULAI 2019

TEMPAT: AUDITORIUM ARAS 7, BANGUNAN KPWKM

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
<b>BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN</b>						
KERJA SOSIAL	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>PN. SURIA MURNI, JPW</b>  1. Sejauh manakah program Program DPSKS ini diwajibkan kepada setiap kakitangan JKM, terutama sekali kepada kakitangan JKM yang tidak mempunyai ijazah atau latar belakang kerja sosial.	<b>TKP(S)</b>  Penyertaan dan maklum balas untuk Program DPSKS ini sangat menggalakkan. Namun, bermula tahun 2019, JKM telah menghadkan penyertaan program kepada peringkat Pengurusan dan Profesional sahaja (P&P). Ini adalah kerana terdapat beberapa kekangan antaranya isu mendapatkan Cuti Bergaji Penuh (CBP) oleh kumpulan sokongan adalah tidak layak dan penyertaan terhad 20 orang sahaja bagi setiap kohort.  JKM sedang berbincang dengan beberapa universiti lain bagi mengenalpasti program atau kursus yang boleh dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan dan kehendak Jabatan kini.  <b>KPKM</b> Penekanan JKM adalah kepada kelompok yang tidak mempunyai latar belakang kerja sosial	<b>P (PP)</b>  Pada peringkat awal pelaksanaan program DPSKS iaitu pada tahun 2016, penyertaan adalah terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan JKM yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang Kerja Sosial. Walaubagaimana pun, pengambilan peserta program DPSKS bagi kohort 5 yang akan bermula pada bulan September 2019 adalah terdiri daripada pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) yang dipilih oleh oleh Pengurusan Tertinggi JKM. Pemilihan peserta DPSKS yang dipilih pada tahun ini adalah berdasarkan kepada pegawai yang mempunyai latarbelakang pendidikan yang bukan daripada Kerja Sosial serta mempunyai prestasi kerja yang baik dan juga berpotensi dalam kerjaya.	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
			<p>memandangkan JKM sedang menuju ke arah Profesional Kerja Sosial yang menuntut setiap kakitangan dan pegawai memerlukan asas kerja sosial sebagai persediaan awal.</p> <p>Pada masa ini, JKM telah bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia bagi Sijil Praktis Kerja Sosial (SPEKS) dan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi Program Diploma Kerja Sosial (DPSKS).</p> <p>JKM akan sentiasa memantau dan sekiranya terdapat kekangan daripada segi umur untuk menyertai kursus-kursus yang ditawarkan dengan kerjasama universiti, JKM akan cuba menyediakan kursus secara dalaman agar semua pegawai dan kakitangan JKM tidak ketinggalan.</p>			
KERJA SOSIAL	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN. AMRI MINGGO, PUSAT KOREKSIONAL PUNCAK ALAM</b> 2. Mencadangkan agar sebarang kajian atau borang kaji selidik berkenaan kerja sosial turut dipanjangkan ke Jabatan Penjara kerana ada di antara pegawai kader yang ditempatkan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi luar turut mempunyai latar	<b>KPKM</b> JKM mengambil maklum perkara ini dan JKM akan melaksanakan bincian fasa 2. Untuk fasa 2 ini, JKM akan memastikan pegawai yang dikaderkan ke Kementerian/ Jabatan/ Agensi juga turut terlibat.	<b>P (PP)</b> JKM telah memaklumkan perkara ini kepada pihak ISM yang bertanggungjawab menjalankan kajian berkaitan bidang sosial.	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
		belakang kerja sosial dan DPSKS.				
KERJA SOSIAL	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN. AMRI MINGGO, PUSAT KOREKSIONAL PUNCAK ALAM</b>  3. Memohon Ibu Pejabat JKM untuk membuat pemakluman berkenaan kursus yang berkaitan kerja sosial kepada pegawai kader sebagai langkah persediaan dan pengetahuan awal sekiranya pegawai yang ditempatkan di Kementerian/Jabatan/ Agensi ini juga perlu didaftarkan sebagai pekerja sosial bersekutu.	<b>KPKM</b>  Kursus Penyeliaan Praktis Kerja Sosial dilaksanakan secara berperingkat-peringkat pada ketika ini. Apabila RUU Kerja Sosial diluluskan, semua pegawai memerlukan perdedahan dan maklumat. JKM akan menyediakan pelbagai medium untuk memudahkan akses kepada maklumat dan informasi berhubung penyeliaan kerja sosial termasuk di laman web JKM.  Pada masa ini, JKM sedang melaksanakan kursus-kursus berkaitan kepada pegawai-pegawai yang berada di JKM dan untuk pegawai kader, akan dilaksanakan pada masa akan datang.  Matlamat JKM adalah semua pegawai skim sosial akan dapat didaftarkan sebagai Pekerja Sosial.	<b>P (PP)</b>  Cawangan Kompetensi Kerja Sosial di bawah Bahagian PP akan menyediakan senarai kursus bidang Kerja Sosial yang akan dilaksanakan oleh ISM pada tahun hadapan. Senarai kursus ini juga boleh disemak melalui laman web JKM dan ISM bagi mengetahui Takwim Kursus Kerja Sosial anjuran ISM.	/	
<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>						
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>PN. FATMAWATIE, HOSPITAL PITAS SABAH</b>	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)		
					SELESAI	BELUM SELESAI	
KENAIKAN PANGKAT		<p>4. Beliau merupakan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 yang telah dikaderkan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) di Pitas sejak penempatan pertama. Untuk makluman, beliau telah bertugas di daerah ini selama 5 tahun 4 bulan .</p> <p>Beliau telah membuat permohonan sebanyak lima (5) kali sejak 2015 namun masih belum berjaya.</p> <p>Mengikut prosedur permohonan terbaru, beliau dikehendaki mendapatkan sokongan Pengarah Hospital di Kota Kinabalu dan Ketua Skim Perkhidmatan di Sandakan. Ini menyukarkan beliau kerana jarak antara kedua-duanya dan sekiranya kelulusan permohonan diberikan mestilah dengan pengganti serentak. Proses ini menyukarkan permohonan pertukaran pindah beliau.</p>	<p>Puan Fathmawatie Firman (S29) dari Hospital Pitas telah mengemukakan permohonan pertukaran dengan pengganti kemudian sebanyak 3 kali ke Tuaran, Papar, Kota Kinabalu dan Tamparuli .</p> <p>Bahagian Pengurusan telah mengemukakan maklum balas kepada pegawai yang mana tiada kekosongan di tempat yang dimohon sehingga Jun 2019.</p> <p>Pegawai tersebut hendaklah mengemukakan permohonan baharu jika masih ingin bertukar ke tempat yang dimohon. Namun jika terdapat kesukaran untuk mendapatkan tandatangan dan perakuan ketua jabatan untuk permohonan baharu, pegawai boleh memaklumkan kepada cawangan ini untuk mengekalkan permohonan sedia ada untuk mesyuarat yang akan datang melalui emel kepada <a href="mailto:azleenaazreen@jkm.gov.my">azleenaazreen@jkm.gov.my</a> / <a href="mailto:siti.aishah@jkm.gov.my">siti.aishah@jkm.gov.my</a></p>	<p>Bahagian Pengurusan mengambil maklum permohonan Puan Fathmawatie binti Pirman dan akan mengekalkan borang permohonan sedia ada pegawai untuk mesyuarat pertukaran akan datang.</p> <p>Pada masa ini tiada kekosongan di tempat yang dimohon oleh pegawai sehingga Ogos 2019.</p>			
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN.ROSLAN, PENJARA KAJANG</b>	5. Memohon Ibu Pejabat JKM agar dapat mengkaji semula tempoh penempatan seseorang Pegawai	<b>KPKM</b> JKM telah mengeluarkan dan mengedarkan satu garis panduan baharu berkaitan pertukaran. Satu	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b> JKM telah mengeluarkan dan mengedarkan Surat Pekeliling	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
		Kader di sesuatu Kementerian/ Jabatan/ Agensi kerana terdapat beberapa orang pegawai yang telah berada di sesuatu tempat selama lebih 10 tahun	ketetapan berkaitan pegawai dan kakitangan yang berkhidmat lebih lima (5) tahun di satu-satu penempatan akan dikaji semula. Garis panduan ini juga terpakai kepada pegawai kader JKM di semua Kementerian/ Agensi/ Jabatan.	Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (SPKPKM) Bil. 9/2019 berkenaan Garis Panduan Urusan Pertukaran dan Penempatan Pegawai di JKM yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2019.  SPKPKM Bil. 9/2019 telah menetapkan bahawa Ketua Jabatan boleh melaksanakan pertukaran bagi pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lima (5) tahun di jawatan sensitif dan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lapan (8) tahun di jawatan bukan sensitif. Garis panduan ini juga terpakai kepada pegawai kader JKM di semua Kementerian/ Agensi/ Jabatan.		
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN.ROSLAN, PENJARA KAJANG</b> 6. Mencadangkan agar pegawai atau kakitangan yang baharu melaporkan diri (penempatan pertama) tidak dikaderkan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi luar JKM.	<b>KPKM</b> JKM mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan berkenaan. JKM akan menyemak semula penempatan pegawai kader di Kementerian/Jabatan/Agensi terlibat.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b> Bahagian Pengurusan mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan berkenaan. Penempatan pertama pegawai baharu sebagai pegawai kader di Kementerian / Jabatan / Agensi luar JKM akan disemak semula.	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN.HASMIL IZZUDIN, PENJARA KAJANG</b>  7. Memohon agar Ibu Pejabat JKM dapat melaksanakan pengisian dengan segera bagi 15 perjawatan kosong di Penjara dan dapat membuat pertimbangan dan menyemak kesesuaian jantina pegawai berdasarkan lokasi penempatan di Penjara lelaki.	<b>KPKM</b>  JKM dalam tindakan membuat permohonan pengisian kekosongan kepada JPA. Untuk makluman calon simpanan juga telah digunakan sepenuhnya. Pada ketika ini, JKM menunggu maklum balas SPA kerana SPA sedang membuat temuduga baru bagi tujuan pengisian.  JKM akan melihat semula keperluan pengisian penjawatan di Penjara dan Koreksional serta kesesuaian penempatan pegawai.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  JKM sedang membuat permohonan pengisian kekosongan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Untuk makluman, calon simpanan juga telah digunakan sepenuhnya. Pada ketika ini, JKM telah mengadakan perbincangan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mempercepatkan pengambilan bagi tujuan pengisian. Hasil perbincangan tersebut akan diberikan tindakan sewajarnya oleh kedua-dua agensi.  JKM akan melihat semula keperluan pengisian penjawatan di Penjara dan Koreksional serta kesesuaian penempatan pegawai khususnya bidang tugas yang bersesuaian dengan peranan atau fungsi kakitangan JKM.	/	
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>PN. HANI HARYATI, HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK</b>  8. Memohon agar JKM dapat mengkaji semula penempatan pegawai kader di hospital kerana timbul isu lebihan tenaga kerja	<b>KPKM</b>  JKM mengambil maklum berkenaan isu-isu pegawai kader di hospital dan terutama berkaitan dengan Orang Asli.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  JKM akan membawa perkara ini untuk dibincangkan bersama pihak KKM bagi meneliti langkah-langkah seterusnya.		/

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
		berbanding keperluan serta skop tugas yang tidak sesuai. Untuk makluman, peranan dan skop kerja pegawai kader JKM di Hospital Orang Asli Gombak hanya sebagai perantara dan perutusan sahaja dan kini terdapat 4 penjawatan untuk S22 dan 7 penjawatan S19. Selain itu, pegawai kader turut berhadapan kesukaran membuat permohonan pertukaran.	Untuk makluman, penjawatan tersebut adalah penjawatan KKM dan JKM hanya menempatkan pegawai kader JKM di hospital berkenaan. Difahamkan, perjawatan tersebut akan dimansuhkan/ <i>trade-off</i> dan JKM bersedia untuk menarik semula kakitangan JKM bagi mengisi keperluan kekosongan di JKM.  Perkara ini akan dibincang dan diperhalusi melalui perbincangan bersama Jabatan Kebajikan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA).	Antara langkah yang dicadangkan adalah :  1. Penyandang perlu memohon pertukaran semula ke JKM.  2. Penyusunan semula oleh pihak KKM berkenaan keperluan jawatan kader skim S di Hospital Orang Asli Gombak.		
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>PN.SHERIL AZREEN, GENIUS KURNIA</b> 9. Memohon pencerahan berkenaan pertukaran skim sosial (S) ke skim pendidikan (DG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mendapatkan kelayakan eluan pendidikan khas.	<b>KPKM</b>  JKM dimaklumkan bahawa perkara berkaitan Genius Kurnia ini masih dalam perbincangan untuk pertukaran skim S ke skim DG kerana melibatkan polisi.  Sekiranya pertukaran ini berlaku, ini adalah opsyen kepada pegawai untuk kekal di Genius Kurnia atau kembali ke JKM. KPM akan membuat tawaran kepada pegawai untuk bertukar skim atau kekal. Sekiranya bertukar skim, maka terdapat keperluan untuk pegawai menghadiri kursus-kursus yang berkaitan untuk melayakkan ke skim DG.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  JKM sedang menunggu keputusan KPM berkenaan pertukaran skim S ke DG di Genius Kurnia.  Sekiranya pertukaran ini berlaku, pegawai boleh memilih untuk kekal di Genius Kurnia dan bertukar kepada skim DG atau kembali ke JKM dan kekal sebagai skim S.  Tawaran pertukaran ini akan dilaksanakan oleh KPM. Sekiranya pegawai memilih untuk bertukar skim, pegawai perlu menghadiri kursus-kursus yang	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
				berkaitan untuk melayakkan ke skim DG.		
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN. ALIF ASYRAF, PERMATA KURNIA</b>  10. Memohon Ibu Pejabat JKM mengkaji semula tempoh penempatan kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi luar. Permasalahan timbul apabila pegawai kader perlu menduduki peperiksaan pengesahan jawatan JKM, tidak dapat menjawab kerana mereka tidak terdedah kepada proses dan info JKM disebabkan skop kerja di agensi luar JKM yang berbeza.	KPKM  Pihak Jabatan berkenaan boleh menjemput pegawai JKM untuk memberi taklimat atau perbincangan mengenai maklumat atau info JKM sebagai usaha persediaan pegawai sebelum menghadapi peperiksaan	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  Pihak Jabatan berkenaan boleh menjemput pegawai JKM untuk memberi taklimat atau perbincangan mengenai maklumat atau info JKM sebagai usaha persediaan pegawai sebelum menghadapi peperiksaan	/	
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>PN. HANI KARMILLA, HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK</b>  11. Mencadangkan agar Ibu Pejabat JKM mengkaji dan mempertimbangkan penempatan semasa dan baru bagi seseorang pegawai kader yang dinaikkan pangkat.	TKP(S)  Untuk makluman, terdapat prosedur pertukaran dan lain-lain. Permohonan pertukaran perlu diisi dan pertukaran adalah tertakluk kepada kekosongan semasa.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  Penempatan pegawai yang dinaikkan pangkat / memangku adalah tertakluk kepada kekosongan semasa.		/
PENEMPATAN/ PERTUKARAN/ KENAIKAN PANGKAT	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>MELALUI URUSETIA, PENJARA</b>  12. Mengapakah syarat kelayakan untuk pemangkuan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 tidak dipanjangkan kepada pegawai	PENGARAH (P)  -belum dijawab.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  Urusan pemangkuan yang telah diiklankan adalah berdasarkan kekosongan dan bukan berdasarkan <i>time-based</i> .	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
		lantikan sehingga Mei 2009. Ini adalah kerana surat dikeluarkan JKM(S)200/04/5 Jld. 49 (19) bertarikh 18 Jun 2019. Pegawai tersebut sememangnya telah pun layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat.		Sehubungan dengan itu, syarat tarikh lantikan yang ditetapkan adalah untuk memberi keutamaan kepada pegawai yang lebih kanan untuk mengisi kekosongan. Kekananan setiap pegawai adalah berbeza dan dikira berdasarkan tarikh lantikan, pelanjutan tempoh percubaan dengan denda, tidak hadir bertugas tanpa kebenaran serta Cuti Tanpa Gaji dan Cuti Separuh Gaji kecuali Cuti Belajar.		
SKOP / BIDANG TUGAS / PERANAN	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN.ROSLAN, PENJARA KAJANG</b> 13. Peranan pegawai kader di agensi/ Jabatan luar perlu diperkemaskan. JKM perlu mengambil maklum dan arif mengenai skop kerja pegawai kader walaupun di luar JKM.	<b>KPKM</b> JKM mengambil maklum dan akan mengambil tindakan berkaitan. Jabatan atau agensi masing-masing sebenarnya yang perlu menyemak semula skop dan peranan pegawai kader JKM memandangkan proses kerja pegawai tersebut adalah mengenai Jabatan tersebut. JKM boleh membantu menghantar pegawai JKM untuk membantu memberi input dalam sesi perbincangan dan ianya akan lebih berkisar kepada proses pelaksanaan praktis kerja sosial dalam proses kerja yang akan disemak.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b> JKM sedang merancang untuk mendapatkan input tentang skop kerja pegawai kader di luar JKM untuk penyeragaman. Antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah:  1. Mengadakan mesyuarat dengan agensi-agensi berkenaan untuk memperhalusi skop kerja pegawai kader.  2. Memohon maklumbalas bertulis berkenaan skop kerja pegawai kader JKM yang ditempatkan di pelbagai institusi luar.		/

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
LATIHAN/KURSUS/PERUNTUKAN	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>EN.HASMIL IZZUDIN, PENJARA KAJANG</b>  14. Memohon agar Ibu Pejabat JKM dapat menyediakan peruntukan bagi melaksanakan bengkel atau satu platform yang dapat membantu pegawai kader yang ditempatkan di Kementerian/Jabatan/Agensi mengadakan bengkel perbincangan berkaitan kerja sosial, SOP kerja dan lain-lain mengikut keperluan kader.	<b>KPKM</b>  JKM ada menyediakan peruntukan kecil dan pernah meminta pegawai kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi untuk hadir bagi membincangkan keperluan di penempatan masing-masing. JKM tiada halangan sekiranya masih ada peruntukan.  JKM juga dalam proses pelaksanaan penstrukturkan semula dan terdapat keperluan untuk JKM memantau dan melihat semula skop, bidang tugas dan tanggungjawab termasuk pegawai kader yang ditempatkan Kementerian/ Jabatan/Agensi. Mohon untuk mengemukakan permohonan peruntukan secara bertulis ke Ibu Pejabat JKM untuk dipertimbangkan.  Untuk makluman, apabila RUU diimplementasikan, semua profesion kerja sosial perlu diselaraskan termasuk kepada pegawai kader di semua penempatan Kementerian/ Agensi/ Jabatan bagi meningkatkan kualiti profesion kerja sosial.  JKM akan mengaturkan satu sesi perbincangan bersama wakil pegawai kader di semua	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  Cadangan pelaksanaan tersebut boleh dibuat di bawah peruntukan Pelan Operasi Latihan (POL) Jabatan sekiranya terdapat keperluan oleh pihak-pihak yang terlibat.  Pada masa ini, Cawangan Latihan dan Kompetensi telah membangunkan satu modul khusus untuk keperluan latihan pegawai kader iaitu Kursus <i>Refresher Pegawai Kader</i> yang meliputi modul teras perkhidmatan Jabatan.  Kursus ini akan dilaksanakan setiap tahun mulai 2019, dengan sasaran semua pegawai kader akan mengikuti kursus tersebut.	/	

ISU	PROGRAM	SOALAN	JAWAPAN AWAL	JAWAPAN TERKINI	STATUS (TANDAKAN /)	
					SELESAI	BELUM SELESAI
			Kementerian/ Agensi/ Jabatan sedia ada bagi membincangkan skop kerja dan lain-lain isu.			/
<b>ELAUN KRITIKAL</b>	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>MELALUI URUS SETIA, PENJARA</b>  15. Mohon agar JKM dapat mempertimbangkan pemberian elaun kritikal bagi pegawai kader Penjara, kerana berisiko tinggi bagi mendapat penyakit berjangkit dan berhadapan dengan keganasan banduan  Untuk makluman bersama, Pegawai Penjara, Pegawai dan Pembantu Perubatan (MA) di Hospital Penjara dan juga Tenaga Pengajar Gred J menerima elaun kritikal ini	<b>PENGARAH (P)</b>  Kewajaran, skop kerja dan jumlah elaun kritikal untuk bidang tugas tertentu ditetapkan oleh Jabatan semasa. Untuk makluman, ketika ini belum ada elaun kritikal untuk pegawai kader di Jabatan Penjara memandangkan peruntukan elaun kritikal dikeluarkan oleh Jabatan Penjara dan bukan daripada sumber peruntukan JKM.  JKM akan cuba berbincang dan akan mengkaji semula keperluan elaun kritikal.	<b>BAHAGIAN PENGURUSAN</b>  JKM akan membawa perkara ini untuk dibincangkan bersama pihak Jabatan Penjara / Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi meneliti permohonan ini.		/
<b>BAHAGIAN KEBAJIKAN PRODUKTIF</b>						
<b>PERMOHONAN BANTUAN</b>	Libat Urus Kader, Julai 2019	<b>MELALUI URUSETIA, PENJARA</b>  16. Memohon agar setiap status keputusan permohonan bantuan yang dikemukakan oleh Unit Kebajikan Penjara kepada PKMD mendapat maklum balas dalam masa yang ditetapkan. Ini adalah kerana status setiap permohonan tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat bulanan Jabatan Penjara berkenaan.		<b>PENGARAH (KP)</b>  Mengikut prosedur permohonan bantuan, PKMD perlu memaklumkan kepada perujuk.  Walau bagaimanapun, perujuk boleh membuat semakan status permohonan bantuan melalui portal JKM. Dalam portal tersebut terdapat aplikasi e-bantuan yang boleh dicapai oleh orang awam.		/

